

Teroka kekayaan di lautan dalam: PM Belajar daripada nelayan Thai

AJIL (Hulu Terengganu), Ahad -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal usaha sama tangkapan ikan laut dalam antara Malaysia dan Thailand, dijadikan isu politik oleh golongan tertentu demi kepentingan mereka sendiri.

Perdana Menteri berkata ada pemimpin politik di negeri Pantai Timur, mengambil kesempatan dengan menggunakan rasa tidak puas hati nelayan berhubung projek itu untuk kepentingan mereka.

Berucap merasmikan Sekolah Menengah Ajil di sini, beliau berkata langkah kerajaan mengadakan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) merangkumi 200 batu nautika bertujuan mengeksplorasi sebanyak mungkin sumber ekonomi di kawasan berkenaan.

"Ini termasuk memberi peluang kepada nelayan di Pantai Timur yang selama ini hanya menangkap ikan di sekitar tiga dan enam kilometer, memasuki

bidang baru dengan meneroka perusahaan laut dalam.

"Selain itu segala sumber ekonomi di dasar laut juga menjadi hak negara. Sebagai contoh ketika ini Terengganu semakin maju kerana mendapat sumber minyak," katanya.

Perdana Menteri berkata bagaimanapun langkah kerajaan itu tidak akan memberi sebarang makna jika peluang yang ada tidak diambil kesempatan sepenuhnya oleh rakyat tempatan, terutama nelayan.

Menurutnya, kerajaan membelanjakan beratus ribu ringgit untuk mengawal zon berkenaan, namun pulangan yang setimpal tidak mungkin diperolehi selagi nelayan tidak sanggup menerokai zon itu.

"Dalam hal ini perjanjian menangkap ikan laut dalam adalah langkah awal menuju kejayaan kerana kawasan perairan Terengganu mempunyai banyak ikan tuna yang mendapat pasaran baik di luar negeri.

"Kita tahu perairan Terengganu mempunyai banyak

ikan tuna, sedangkan pengetahuan kita terhadap, kita akan mengalami kerugian sekiranya hanya mengaku hak sedang usaha mengambil kesempatan tidak dilakukan.

"Sekiranya kita tidak tangkap, orang lain yang mendapat keuntungan. Untuk itu kesempatan yang ada perlu digunakan sehingga nelayan kita dapat mempelajari teknologi menangkap ikan dengan lebih baik," katanya.

Perdana Menteri juga meminta guru dan pelajar jangan menjadikan sekolah sebagai tempat hanya untuk mendapatkan sijil bagi memudahkan mereka bekerja dengan kerajaan.

"Sekolah adalah pusat mendapatkan ilmu untuk digunakan bagi memajukan diri dan masyarakat.

"Masyarakat maju seperti di Eropah menggunakan ilmu yang dipelajari dengan sebaiknya untuk kehidupan mereka dan tidak hairan kemajuan mereka amat cepat dan membanggakan," tegasnya.

Sebuah masyarakat tidak akan maju, katanya, sekiranya pelajar hanya memikirkan untuk lulus peperiksaan dan mendapat pekerjaan dengan kerajaan yang kadang-kadang tidak kena mengena dengan kelulusan mereka.

Beliau tidak menafikan rakyat negara ini tahu menggunakan komputer tetapi tidak memahami konsep dan bagaimana komputer itu dibina. Ini menunjukkan betapa pentingnya ilmu itu digunakan sebagaimana yang dikehendaki.

Beliau meminta pendidik dan pelajar memahami konsep ilmu sedalam-dalamnya supaya ia dapat dimanfaatkan selaras dengan kehendak pembangunan negara agar setanding dengan negara maju lain.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Yusuf Noor, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Encik Alias Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Setia Wangsa Abdul Rahman Nasir.